

BAB III

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.0 Pengenalan

Kajian ini bertujuan untuk menyelidik tentang sejauhmana gurubesar sekolah terutamanya di SRJK (T) dan SRJK (C) dapat menguruskan kewangan sekolah secara sistematis. Kajian ini akan meliputi kajian mengenai punca-punca kewangan sekolah, cara pentadbir sekolah menguruskan kewangan sekolah dan mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka.

3.1 Pemilihan sampel

Sampel bagi kajian ini ialah dua buah sekolah, iaitu sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Rawang, daerah Gombak. Pengkaji akan membuat perbandingan dari segi sumber kewangan dan cara pengurusannya. Kedua-dua buah sekolah telah dipilih kerana ianya terletak berhampiran dengan kediaman penyelidik. Ini akan memudahkan urusan lawatan bagi kajian ini.

Sekolah yang dipilih ini juga mempunyai sumber kewangan yang hampir sama. Selain dari menemubual gurubesar, penyelidik juga akan menemubual GPK 1 dan kerani bahagian kewangan. Ini adalah kerana, GPK 1 dan kerani kewangan juga memainkan peranan penting dalam pengurusan kewangan sekolah.

Sebagai contohnya, semasa ketiadaan pengetua, GPK 1 yang akan menjalankan urusan seperti menandatangani buku LO, menandatangani cek, urusan membankkan wang, melulus, memperaku dan menguruskan pentadbiran kewangan sekolah. Demikian juga kerani bahagian kewangan akan menguruskan akaun-akaun dan menyimpan buku kira-kira atas arahan gurubesar.

3.2 Pentadbiran kajian

Sebelum pergi ke sekolah-sekolah tersebut, penyelidik telah mendapatkan kebenaran bertulis dari bahagian EPRD Kementerian Pendidikan Malaysia. Selepas itu penyelidik telah mendapatkan kebenaran dari Bahagian Perhubungan dan Pendaftaran Jabatan Pendidikan Negeri Selangor. Setelah mendapat jawapan bertulis dari kedua-dua pihak ini barulah penyelidik menemui gurubesar sekolah-sekolah berkenaan untuk mendapatkan kebenaran melakukan kajian di sekolah masing-masing.

3.3 Instrumen Kajian

Untuk mendapatkan maklumat mengenai pengurusan kewangan di sekolah-sekolah yang telah dipilih tadi, penyelidik telah menggunakan kaedah kajian kes. Penyelidik telah menyediakan satu senarai soalan yang akan ditanya kepada gurubesar di sekolah-sekolah tersebut. Soalan-soalan tersebut adalah seperti berikut: (Majidah bt Hashim : 1997)

1. Apakah punca-punca kewangan bagi sekolah dari segi peruntukan kerajaan?
2. Apakah punca-punca kewangan dari sumber-sumber lain?
3. Bagaimanakah pentadbir sekolah mengutip hasil dan membelanjakan sumber kewangan tersebut?
4. Bagaimanakah punca kewangan dan cara perbelanjaannya direkodkan?
5. Apakah dasar yang digunakan oleh pentadbir dalam menguruskan kewangan sekolah?
6. Bagaimanakah buku Akaun wang kerajaan diuruskan?
7. Apakah borang-borang yang digunakan untuk perbelanjaan?
8. Bagaimanakah sistem fail dibuat untuk bil-bil perbelanjaan?
9. Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak pentadbir sekolah dalam menguruskan kewangan sekolah?
10. Selain daripada itu, pengkaji juga perlu membuat penyemakan dan pemerhatian terhadap dokumen-dokumen yang berkenaan dengan kebenaran pentadbir sekolah. (Buku lejar, fail-fail kewangan, borang-borang yang berkenaan).

Penyelidikan ini juga menggunakan kajian dokumen iaitu semakan dan pengumpulan data mengenai kewangan sekolah melalui Laporan Penyata Kewangan 1995. Data-data ini perlu dikaji untuk mencapai objektif penyelidikan. Di antara perkara yang hendak diperhatikan dan dibuat semakan ialah akaun ABB, perbelanjaan peruntukan mata pelajaran, pendapatan berdasarkan perkapita dan kutipan lain dan perbelanjaan peruntukan perkapita seperti bayaran bil-bil dan perbelanjaan lain.